

PM komited laksana agenda pelan integriti

Malaysia tak perlu agensi asing beritahu keadaan rasuah dalam negara

13/11/2006

Oleh Shamshul Azree Samshir
dan Mohd Feroz Abu Bakar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegaskan beliau komited melaksanakan agenda Pelan Integriti Nasional (PIN) dan mengangap laporan persepsi rasuah yang dikeluarkan Transparency International sebagai satu peringatan.

Perdana Menteri berkata, laporan persepsi rasuah Transparency International meletakkan skor Malaysia susut daripada 5.1 tahun lalu kepada 5.0 tahun ini perlu menjadi penyuntik semangat supaya semua pihak berusaha gigih membasmi rasuah.

"Kedudukan terkini amat mendukacitakan dan membawa tanda tanya sama ada kajian itu sahih dan mencerminkan keadaan sebenar di Malaysia kerana kita boleh buat andaian ia persepsi semata-mata, dan mungkin berbeza daripada realiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Institut Integriti

Negeri (IIN) peringkat kebangsaan dan Hari Integriti Nasional 2006 di Pusat Konvensyen Antara-bangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan. Pada majlis itu, Abdullah turut melancarkan buku kecil *Dari Akar hingga Buahnya* yang menjelaskan prinsip integriti.

Mengulas mengenai laporan yang dikeluarkan Transparency International itu, Perdana Menteri berkata, negara sebenarnya tidak perlu orang lain memberitahu mengenai keadaan di Malaysia.

"Oleh kerana kita tahu dan sedar cabaran yang dihadapi sekarang, saya meminta disediakan satu pelan peringkat nasional untuk membantu kerajaan memantapkan integriti di kalangan rakyat melalui PIN yang dilaksana dan dipantau Institut Integriti Malaysia (IIM)," katanya.

Abdullah berkata, mungkin ada pihak sangsi dengan usaha dilakukan selama ini tetapi beliau percaya

jika semua pihak serius dan komited, negara akan mencapai apa diimpikan.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin semua pihak akan bekerja bersama-samanya membasmi rasuah, menangani penyelewengan serta menghentikan salah guna kuasa sa-

“*Mungkin keterbukaan dibawa sekarang, terutama menyebabkan ramai berpendapat keadaan di Malaysia belum meningkat dengan ketara*”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

ma ada di sektor awam, swasta atau politik menerusi penubuhan IIN.

Bagaimanapun, beliau berkata, banyak pihak menyuarakan keluhan dan kritikan bahawa beberapa kes mahkamah berkaitan rasuah sama ada membabitkan 'ikan bilis' atau 'jerung' masih tertangguh.

Katanya, jika isu tertangguh itu dibangkitkan, kritikan selalunya ditujukan kepada Perdana Menteri yang dituduh tidak serius mengambil tindakan mereka yang bersalah.

"Ya urusan mahkamah dan saya menyerahkan kepada pihak mahkamah untuk menyelesaikan kes berkenaan. Namun, saya menganggap kes rasuah sebagai kes yang membabitkan kepentingan awam yang harus diselesaikan segera.

"Saya percaya ungkapan 'keadilan tertangguh adalah keadilan yang tidak dilakukan'. Sesungguhnya kelewatan mendengar dan memuktamadkan kes rasuah boleh menjejaskan usaha kerajaan membasmi rasuah dan meningkatkan integriti," katanya.